

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 29 MAC 2018

RUJUKAN : 10620

SOALAN:

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik mengenai kes penderaan kanak-kanak (seksual dan bukan seksual), mengikut negeri, jantina mangsa, jantina pemangsa, hubungan antara pemangsa dengan mangsa, dari tahun 2010 hingga 2016, serta bilangan pertuduhan dan sabitan dibuat.

57

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Statistik kes penderaan terhadap kanak-kanak mengikut negeri, jantina, hubungan mangsa dan pemangsa serta bilangan tuduhan bagi tahun 2010 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

i) Statistik kes penderaan mengikut negeri dari tahun 2010 hingga 2016:

KONTINJEN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
PERLIS	0	1	3	2	2	4	1
KEDAH	10	10	8	15	15	17	16
PULAU PINANG	18	28	25	11	15	20	21
PERAK	13	3	12	18	23	30	24
SELANGOR	81	54	67	67	94	61	99
KUALA LUMPUR	30	23	18	24	33	46	38
NEGERI SEMBILAN	18	17	24	37	33	31	19
MELAKA	10	14	13	13	15	12	11
JOHOR	34	41	67	45	45	45	44
PAHANG	7	8	9	13	12	12	15
TERENGGANU	2	6	4	13	9	7	11
KELANTAN	15	6	10	7	6	8	14
SABAH	13	21	10	13	18	18	13
SARAWAK	6	10	15	17	8	18	23
JUMLAH	257	242	285	295	328	329	349

ii) Statistik kes penderaan mengikut jantina dari tahun 2010 hingga 2016.

JANTINA	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
LELAKI	162	139	170	167	189	191	194
PEREMPUAN	95	103	115	128	139	138	155
JUMLAH	257	242	285	295	328	329	349

iii) Statistik pemangsa kes penderaan mengikut jantina dari tahun 2010 hingga 2016.

JANTINA	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
LELAKI	109	119	144	132	154	138	125
PEREMPUAN	171	145	163	159	202	230	252
JUMLAH	280	264	307	291	356	368	377

iv) Statistik hubungan mangsa dengan pemangsa kes penderaan dari tahun 2010 hingga 2016.

HUBUNGAN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
BAPA KANDUNG	65	63	74	76	81	98	82
IBU KANDUNG	47	56	47	55	65	68	83
BAPA /IBU TIRI	24	35	37	38	36	21	38
BAPA SAUDARA	6	4	9	6	13	11	10
IBU SAUDARA	4	7	7	6	13	8	5
TIDAK KENAL	3	3	0	1	0	1	6
PENJAGA/PENGASUH	61	53	81	89	96	105	109
GURU	2	12	8	1	8	5	6
SAUDARA LAIN	40	13	19	21	19	18	3
DATUK / NENEK	5	3	7	5	5	7	6
KELUARGA ANGKAT	12	4	3	3	4	14	14
TEMAN LELAKI IBU	11	2	12	10	12	9	13
TEMAN WANITA BAPA	0	1	0	1	2	2	0
MAJIKAN	0	1	0	0	0	0	0
KELUARGA TIRI	0	4	0	0	1	0	1
ABANG	0	3	3	0	1	1	1
JUMLAH	280	264	307	312	356	368	377

V) Statistik pertuduhan kes penderaan mengikut negeri dari tahun 2010 hingga 2016.

KONTINJEN	2010		2011		2012		2013		2014		2015		2016	
	JUMLAH KERTAS SIASATAN		JUMLAH KERTAS SIASATAN		JUMLAH KERTAS SIASATAN		JUMLAH KERTAS SIASATAN		JUMLAH KERTAS SIASATAN		JUMLAH KERTAS SIASATAN		JUMLAH KERTAS SIASATAN	
	DIBUKA	TUDUH	DIBUKA	TUDUH	DIBUKA	TUDUH	DIBUKA	TUDUH	DIBUKA	TUDUH	DIBUKA	TUDUH	DIBUKA	TUDUH
PERLIS	0	0	1	0	4	3	2	0	2	0	4	1	1	0
KEDAH	10	4	10	4	8	1	15	4	15	3	17	2	16	6
PULAU PINANG	18	8	28	6	25	4	11	3	15	7	20	6	21	9
PERAK	13	2	3	2	12	2	18	2	23	3	30	4	24	1
SELANGOR	81	60	54	37	66	38	67	35	94	45	61	37	99	50
KUALA LUMPUR	30	10	23	7	19	5	24	11	33	7	46	6	38	9
NEGERI SEMBILAN	18	5	17	5	24	5	37	3	33	6	31	6	19	4
MELAKA	10	6	14	6	13	7	13	5	15	6	12	5	11	7
JOHOR	34	8	41	5	66	2	45	21	45	8	45	15	44	22
PAHANG	7	2	8	3	9	2	13	3	12	3	12	5	15	4
TERENGGANU	2	0	6	1	4	2	13	2	9	2	7	3	11	4
KELANTAN	15	3	6	1	10	2	7	3	6	2	8	5	14	6
SABAH	13	4	21	7	10	6	13	6	18	3	18	7	13	2
SARAWAK	6	4	10	6	15	5	17	7	8	3	18	5	23	10
JUMLAH	257	116	242	90	285	84	295	105	328	98	329	107	349	134

SOALAN (36)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 29 MAC 2018
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD
[LIPIS]**

SOALAN :

YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pembaharuan dan langkah proaktif yang telah dilakukan oleh Kerajaan sehingga negara kita berjaya berdepan segala krisis yang mendatang walaupun dasar-dasar Kerajaan sering diperlekehkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada ketidaktentuan ekonomi di peringkat dunia seperti kelembapan ekonomi dagang utama negara, penurunan harga komoditi, perubahan dasar ekonomi di negara maju dan pergolakan geopolitik. Walaupun Malaysia berhadapan dengan pelbagai faktor yang luar dari kawalannya, ekonomi negara masih dapat berdaya tahan dan mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan. Ini berikutan pelaksanaan dasar dan strategi yang pragmatik, di mana kedudukan ekonomi Malaysia kini adalah jauh lebih kukuh berbanding ketika negara mengalami krisis kewangan Asia pada tahun 1997/1998 dan krisis kewangan global pada 2008/2009.

Asas ekonomi yang telah dipelbagaikan di samping sistem perbankan dan pasaran modal yang lebih kukuh telah memastikan negara lebih berdaya tahan dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi. Tambahan pula, pertumbuhan ekonomi negara pada masa ini yang lebih didorong oleh permintaan domestik juga dapat mengurangkan

kebergantungannya kepada sektor luar. Kini, Malaysia tidak lagi terlalu bergantung kepada mana-mana komoditi, sektor ekonomi dan pasaran eksport.

Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan ke arah negara maju dan inklusif, Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif dan pragmatik bagi mengukuhkan lagi asas ekonomi negara dan meningkatkan daya saing negara. Bagi tujuan ini, beberapa strategi telah dikenal pasti dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020, seperti berikut:

- i. Meningkatkan potensi produktiviti untuk memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif;
- ii. Menggalakkan pelaburan untuk menerajui pertumbuhan ekonomi;
- iii. Meningkatkan eksport untuk menambah baikimbangan perdagangan; dan
- iv. Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan yang lebih mampan.

Sekian, terima kasih.
Mac 2018

SOALAN : 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BT. MAHMUD
(KOTA RAJA)**

TARIKH : 29 MAC 2018

RUJUKAN : 10621

SOALAN :

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan secara terperinci jenis dan bentuk
kemahiran khusus yang dimiliki anggota RELA yang ditugaskan di Zon
Selamat Timur Sabah (ESSZONE) berbanding dengan anggota RELA
lain di seluruh negara dan peranan mereka di dalam menjaga
keselamatan ESSZONE.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan, tugas dan kuasa Jabatan Sukarelawan Malaysia ditadbir di bawah Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752). Antara tugas RELA yang digariskan di bawah Akta ini adalah membantu mana-mana pasukan atau pihak berkuasa keselamatan yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis apabila diminta oleh pasukan keselamatan atau pihak berkuasa yang berkenaan.

Penugasan RELA di Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE) dengan agensi penguatkuasaan bertujuan untuk membantu mengurangkan kadar jenayah setempat, penyeludupan dan jenayah rentas sempadan yang bersifat *omnipresence* dan akan meningkatkan rasa selamat di kalangan masyarakat. Kawalan keselamatan boleh dilakukan dengan lebih lancar kerana mereka lebih mengenali penduduk sekitar dan juga mahir tentang kawasan sekeliling.

RELA telah bekerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) mengenai modul dan silibus latihan anggota RELA bagi mempersiapkan mereka bertugas di ESSZONE.

Kursus yang dihadiri oleh anggota RELA di ESSZONE berbeza daripada kursus anggota RELA yang lain kerana mereka dilengkapi dengan pelbagai modul latihan yang lebih komprehensif merangkumi pelbagai aspek keselamatan, pertahanan awam, pertolongan cemas, akta dan perundangan, integriti dan komunikasi berkesan. Sehingga kini, penugasan RELA di ESSZONE melibatkan sebanyak 21 buah lokasi di 11 buah daerah di Sabah.